



## PERATURAN SPESIFIK PERLUMBAAN

*Dikemaskini : 10.05.2023*

### 1.0 PERATURAN AM

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung di dalam Peraturan ini, pertandingan ini akan dijalankan mengikut peraturan-peraturan **Union Cycling Internationale (UCI)** yang terkini.
- 1.2 Sekiranya berlaku sebarang pelanggaran peraturan samada yang terkandung di dalam Peraturan Spesifik Perlumbaan atau Peraturan UCI, pihak penganjur atau panel komisar berhak membatalkan (*disqualification*) atau menurunkan kedudukan (*relegation*) atau denda (*fine*) atau amaran (*warning*) kepada mana-mana individu yang terlibat dengan pelanggaran peraturan ini (pelumba atau pegawai pasukan atau pasukan).
- 1.3 Kadar amaran denda walaupun mengikut carta UCI akan tetapi nilainya dalam Ringgit Malaysia (RM).
- 1.4 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan, **JCM Criterium Series 1-2023** adalah muktamad.

### 2.0 VENUE PERLUMBAAN

- 2.1 Perlumbaan akan berlangsung di **Kompleks Sukan Langkawi, Jalan Air Hangat, Langkawi, Kedah**. Jarak laluan ialah 1.27 km bagi setiap pusingan.



### 3.0 KELAYAKAN PESERTA

3.1 Kategori umur pelumba adalah seperti berikut :

<i>Kategori</i>	<i>Umur</i>	<i>Tahun Dilahirkan</i>
<b>a. "Road Bike" Remaja</b>		
- Lelaki 7 tahun - 8 tahun	7 tahun - 8 tahun	2015 - 2016
- Lelaki 9 tahun - 10 tahun	9 tahun - 10 tahun	2013 - 2014
- Lelaki 11 tahun - 12 tahun	11 tahun - 12 tahun	2011 - 2012
- Lelaki 13 tahun - 14 tahun	13 tahun - 14 tahun	2009 - 2010
- Lelaki 15 tahun - 16 tahun	15 tahun - 16 tahun	2007 - 2008
- Lelaki Remaja	17 tahun - 18 tahun	2005 - 2006
<b>b. "Road Bike" Elit</b>		
- Perempuan 7 tahun - 8 tahun	7 tahun - 8 tahun	2015 - 2016
- Perempuan 9 tahun - 10 tahun	9 tahun - 10 tahun	2013 - 2014
- Perempuan 11 tahun - 12 tahun	11 tahun - 12 tahun	2011 - 2012
- Perempuan 13 tahun - 14 tahun	13 tahun - 14 tahun	2009 - 2010
- Perempuan 15 tahun - 16 tahun	15 tahun - 16 tahun	2007 - 2008
- Wanita Remaja	17 tahun - 18 tahun	2005 - 2006
Lelaki U21	19 tahun - 20 tahun	2003 - 2004
Lelaki Elit	21 tahun & ke atas	2002 & sebelumnya
Lelaki Masters "A"	35 tahun - 44 tahun	1979 - 1988
Lelaki Masters "B"	45 tahun & ke atas	1978 & sebelumnya
- Wanita U21	19 tahun - 20 tahun	2003 - 2004
- Wanita Elit	21 tahun & ke atas	2002 & sebelumnya
<b>c. Pushbike</b>		
- Pushbike Lelaki	2 - 4 tahun	2019 - 2021
- Pushbike Perempuan	2 - 4 tahun	2019 - 2021
- Pushbike Lelaki	5 - 6 tahun	2017 - 2018
- Pushbike Perempuan	5 - 6 tahun	2017 - 2018
<b>d. Terbuka</b>		
MTB Open	Terbuka	Terbuka
Folding Bike Open	Terbuka	Terbuka

3.2 Bagi kategori Lelaki Masters "A" dan Lelaki Masters "B", pelumba-pelumba yang mewakili pasukan yang berdaftar dengan UCI tidak dibenarkan mengambil bahagian di bawah kategori ini. (UCI Cycling Regulations, Article 1.1.036).

### 4.0 LESEN

4.1 Semua pelumba dan pegawai pengiring pasukan (pengurus, jurulatih, mekanik, dll) diwajibkan mempunyai lesen lumba basikal (UCI) yang sah dikeluarkan oleh Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (PKBM) bagi tahun 2023. Lesen ini mestilah dibawa bersama-sama untuk diserahkan semasa pemeriksaannya oleh Komisar yang bertugas.

5.0 JADUAL PERLUMBAAN

9 JUN 2023 (JUMAAT)			
11.00 pagi - 4.00 ptg	Pengesahan Pendaftaran & Penyerahan "Race Pack"	Venue : Tingkat 1, Bangunan Pentadbiran Kompleks Sukan Langkawi Jalan Air Hangat, Langkawi, Kedah	
3.00 ptg	Taklimat Pasukan		
4.00 ptg	Mesyuarat Pegawai-pegawai Teknikal		
10 JUN 2023 (SABTU)			
Masa	Kategori	Masa / Jarak	Jumlah Masa
6.30 pagi	Penyerahan "Race Pack"		
7.15 pagi	Pemeriksaan laluan oleh Pegawai Teknikal Pertandingan		10 minit
7.30 pagi	Kayuhan VIP		30 minit
<b>Perlumbaan bermula mengikut kategori yang telah ditetapkan :</b>			
8.00 pagi	Perempuan 7 tahun - 8 tahun Lelaki Bawah 7 tahun - 8 tahun Perempuan 9 tahun - 10 tahun	2 pusingan	10 minit
Majlis Penyampaian Hadiah			
8.15 pagi	Lelaki 9 tahun - 10 tahun Perempuan 11 tahun - 12 tahun	3 pusingan	10 minit
Majlis Penyampaian Hadiah			
8.30 pagi	Lelaki 11 tahun - 12 tahun	3 pusingan	10 minit
Majlis Penyampaian Hadiah			
8.45 pagi	Perempuan 13 tahun - 14 tahun	10 minit + 2 pusingan	15 minit
Majlis Penyampaian Hadiah			
9.00 pagi	Push Bike (Perempuan 2 tahun - 4 tahun)	Pusingan Kelayakan (sekiranya perlu) * Venue yang berasingan	
	Push Bike (Lelaki 2 tahun - 4 tahun)		
	Push Bike (Perempuan 5 tahun - 6 tahun)		
	Push Bike (Lelaki 5 tahun - 6 tahun)		
9.05 pagi	MTB Open & Folding Bike Open	25 minit + 2 pusingan	30 minit
Majlis Penyampaian Hadiah			
9.40 pagi	JCM Stage Race 2023 - Stage 3	30.48 km (24 pusingan @ 2 int. sprint)	45 minit
Majlis Penyampaian Hadiah			
10.00 pagi	Push Bike (Perempuan 2 tahun - 4 tahun)	Pusingan Akhir * Venue yang berasingan	
	Push Bike (Lelaki 2 tahun - 4 tahun)		
	Push Bike (Perempuan 5 tahun - 6 tahun)		
	Push Bike (Lelaki 5 tahun - 6 tahun)		
10.30 pagi	Lelaki 13 tahun - 14 tahun	10 minit + 2 pusingan	15 minit
Majlis Penyampaian Hadiah			
10.50 pagi	Perempuan 15 tahun - 16 tahun	10 minit + 2 pusingan	15 minit
Majlis Penyampaian Hadiah			

Masa	Kategori	Masa / Jarak	Jumlah Masa
11.10 pagi	Lelaki 15 tahun - 16 tahun	15 minit + 2 pusingan	20 minit
<i>Majlis Penyampaian Hadiah</i>			
11.35 pagi	Wanita Remaja (17 tahun - 18 tahun)	15 minit + 2 pusingan	20 minit
<i>Majlis Penyampaian Hadiah</i>			
12.00 tgh	Wanita U21 (19 tahun - 20 tahun) Wanita Elit (21 tahun dan ke atas)	25 minit + 2 pusingan	30 minit
<i>Majlis Penyampaian Hadiah</i>			
12.30 tgh	Lelaki Remaja (17 tahun - 18 tahun)	25 minit + 2 pusingan	30 minit
<i>Majlis Penyampaian Hadiah</i>			
1.10 ptg	Lelaki U21 (19 tahun - 20 tahun)	35 minit + 2 pusingan	40 minit
<i>Majlis Penyampaian Hadiah</i>			
1.55 ptg	Lelaki Elit (21 tahun dan ke atas)	35 minit + 2 pusingan	40 minit
<i>Majlis Penyampaian Hadiah</i>			
2.40 ptg	Lelaki Masters "A" (35 tahun - 44 tahun) Lelaki Masters "B" (45 tahun dan ke atas)	30 minit + 2 pusingan	35 minit
<i>Majlis Penyampaian Hadiah</i>			
3.45 ptg	Majlis Bersurai		

## 6.0 BASIKAL

- 6.1 Semua basikal yang akan digunakan di dalam perlumbaan dimestikan menjalani pemeriksaan oleh petugas-petugas yang berkenaan di dalam kawasan yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur. Setiap pelumba wajib untuk membawa basikal untuk pemeriksaan sekurang-kurangnya 45 minit sebelum masa pertandingan.
- 6.2 Mana-mana basikal yang didapati tidak selamat untuk digunakan ataupun tidak mematuhi piawaian yang telah ditetapkan akan dibenarkan untuk dibaiki di luar kawasan pemeriksaan basikal tadi. Basikal yang telah dibaiki ini mestilah menjalani pemeriksaan semula sebelum dibenarkan untuk digunakan semasa berlumba.
- 6.3 Penggunaan rim "high profile" dibenarkan dengan syarat ketinggian tidak melebihi 50mm.

## 7.0 "GEARING"

- 7.1 Basikal Pelumba-pelumba bagi kategori 13 tahun - 14 tahun dan 15 tahun - 16 tahun mestilah mengikut "gear ratio" yang telah ditetapkan untuk pelumba-pelumba remaja. Semua pelumba di bawah kategori ini dimestikan mengunci basikal mereka mengikut "gear ratio" seperti yang ditetapkan sepertimana jadual berikut :

KATEGORI PELUMBA	MAX. GEAR RATIO	CHAINRING & SPOKET	ROLL OUT	
			Meter	Inches
13 tahun - 14 tahun	6.0 M atau 75.60 Inches	34 X 12	5.9	76.50
		36 X 13	5.8	74.77
		39 X 14	5.9	75.21
		42 X 15	5.9	75.60
		50 X 18	5.8	75.00
		52 X 19	5.8	73.89
		53 X 19	5.9	75.32

KATEGORI PELUMBA	MAX. GEAR RATIO	CHAINRING & SPOKET	ROLL OUT	
			Meter	Inches
15 tahun - 16 tahun	7.0 M atau 90 Inches	34 X 11	6.5	83.45
		36 X 11	6.9	88.36
		39 X 12	6.8	87.75
		42 X 13	6.8	87.23
		50 X 15	7.0	90.00
		52 X 16	6.8	87.75
		53 X 16	7.0	89.44

- 7.2 Semua pelumba di bawah kategori di atas dimestikan membawa basikal mereka untuk menjalani pemeriksaan “gearing” oleh pihak komisar sebelum mereka menandatangani “sign on sheet”.
- 7.3 Sebaik sahaja pelumba-pelumba menamatkan perlumbaan mereka, lima (5) pelumba terbaik, akan dikenakan pemeriksaan basikal bagi memastikan mereka telah menggunakan “gearing” yang telah ditetapkan.
- 7.4 Semasa pemeriksaan basikal ini dibuat, sekiranya didapati mereka telah gagal mematuhi garis panduan penetapan gearing sepertimana yang telah ditetapkan, pihak Panel Komisar berhak membatalkan kemenangan pelumba-pelumba tersebut.

#### 8.0 TOPI KELEDAR (HELMET), PAKAIAN (JERSI) DAN KASUT

- 8.1 Semua pelumba dimestikan memakai hard shell helmet yang bersesuaian dan mempunyai ciri-ciri keselamatan. Pihak penganjur atau komisar berhak menghalang pelumba-pelumba yang tidak menggunakan helmet yang bersesuaian dan mempunyai ciri-ciri keselamatan daripada menyertai perlumbaan.
- 8.2 Pelumba hendaklah memakai pakaian yang sesuai dengan perlumbaan basikal. Pemakaian jeans, jersi yang tidak berlengan (sleeveless), berselipar atau sandal adalah di larang sama sekali. Pihak komisar mempunyai kuasa untuk melarang pelumba dari berlumba jika terdapat etika pemakaian yang tidak melambangkan semangat perlumbaan basikal.

#### 9.0 NOMBOR PELUMBA DAN NOMBOR BASIKAL

- 9.1 Semua pelumba akan dibekalkan dengan dua (2) keping nombor pelumba dan satu (1) keping nombor basikal. Nombor pelumba dan nombor basikal mestilah dalam keadaan yang asal dan sempurna, tidak boleh dipotong atau dilipat. Sebarang pengubahsuaian nombor-nombor tersebut adalah dilarang sama sekali.
- 9.2 Nombor pelumba mestilah diletakkan/dipinkan dalam keadaan sempurna; satu (1) keping di bahagian belakang pelumba dan satu (1) keping di bahagian rusuk kanan pelumba seperti gambarajah sebelah :



#### 10.0 PERATURAN PERLUMBAAN

- 10.1 Perlumbaan bagi mana-mana kategori akan dijalankan sekiranya jumlah pelumba bagi kategori tersebut melebihi empat orang. Walau bagaimanapun sekiranya hanya tiga orang pelumba sahaja yang mengambil bahagian, perlumbaan akan diteruskan juga tetapi hanya seorang pelumba terbaik sahaja yang layak menerima hadiah.
- 10.2 Jumlah masa berlumba atau jarak perlumbaan serta waktu pelepasan pelumba adalah sepertimana tercatat di jadual perlumbaan, akan tetapi semua pelumba perlu berada di kawasan acara sepanjang perlumbaan kerana sekiranya ada sesuatu perlumbaan telah dibatalkan maka masa perlumbaan seterusnya akan diawalkan daripada jadualnya.

- 10.3 Sekiranya didapati perlu, pusingan kelayakan (saringan) akan diadakan bagi memilih pelumba-pelumba terbaik untuk berlumba di pusingan akhir.
- 10.4 Semua pelumba diwajibkan menurunkan tandatangan mereka di borang pengesahan pelumba (Sign-On-Sheet). Sesi ini akan dimulakan satu (1) jam sepuluh (10) minit, sebelum waktu pelepasan bagi setiap kategori dan akan tamat sepuluh (10) minit sebelum waktu pelepasan pelumba bagi kategori tersebut. Pelumba dihendaki menghadirkan diri sendiri untuk menurunkan tandatangan masing-masing pada sesi tersebut. **Semua pelumba dlmestikan berada di khemah pelumba sekurang-kurangnya satu (1) jam sepuluh (10) minit sebelum masa perlumbaan sepertimana yang tercatat di jadual perlumbaan.**
- 10.5 Panel Komisar berhak membatalkan penyertaan atau membatalkan kemenangan mana-mana pelumba yang gagal untuk menurunkan tandatangan mereka di borang pengesahan pelumba (Sign-On-Sheet).
- Semasa menandatangani "Sign-On-Sheet" para pelumba dikehendaki memakai pakaian seragam rasmi pasukan masing-masing (seluar pendek dan jersi) serta memasang nombor badan masing-masing.
- Article 2.3.009 & 2.12.007 (1.1) - UCI Cycling Regulation.
- 10.6 Satu (1) "Repair Pit" akan disediakan. Hanya kerosakan basikal yang sah (valid mishap) sahaja layak mendapat tiga (3) pusingan berkecuali (neutral lap). Pelumba yang berkenaan diminta berkayuh (dengan tidak sesekali melawan arus perlumbaan) ke "Repair Pit" yang disediakan untuk mendapatkan bantuan dari pasukan masing-masing dan seterusnya menunggu sehingga ketibaan kumpulannya (group). **Mendapat bantuan dari wakil atau pelumba pasukan lain tidak benarkan sama sekali.** Walau bagaimanapun pusingan berkecuali ini tidak dibenarkan pada kedudukan tiga (3) pusingan terakhir.
- 10.7 Berikut ini adalah diterima sebagai kerosakan basikal yang sah :
- i) kejatuhan yang sah,
  - ii) kebocoran tayar basikal,
  - iii) pecah/patahnya bahagian penting basikal.
- Yang lain-lain daripada ini tidak diambil-kira sebagai sah.
- 10.8 Pelumba yang telah di "overlapped" tidak dibenarkan meneruskan perlumbaan.
- 10.9 Sekiranya berlaku kejadian-kejadian yang tidak diduga semasa perlumbaan, Panel Komisar berhak memberhentikan sementara perlumbaan tersebut. Apabila perlumbaan berjalan semula, Panel Komisar berhak mengurangkan jarak / masa perlumbaan bagi kategori tersebut.
- 10.10 Penentuan pemenang adalah berdasarkan kedudukan pelumba yang melintasi garisan penamat semasa pecutan di pusingan terakhir.
- 12.0 **MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH**
- 12.1 Pingat kemenangan serta hadiah wang tunai bagi setiap kategori akan disediakan dari tempat pertama hingga ketiga.
- 12.2 **Majlis Penyampaian Hadiah akan diadakan dalam tempoh masa dua puluh (20) minit selepas acara bagi setiap kategori tamat. Pihak penganjur berhak menarik balik hadiah kemenangan kepada pemenang-pemenang yang gagal berada di khemah penyampaian hadiah dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.**
- 12.3 Pemenang-pemenang (lelaki dan wanita) diwajibkan memakai jersi dan track bottom, memakai kasut track atau kasut sukan.
- 12.4 Pemenang-pemenang yang terlibat tidak dibenarkan memakai kaca mata jenis 'sun-glass' dan juga topi semasa menaiki podium untuk menerima hadiah.
- 12.5 Pemenang tidak dibenarkan membawa bendera semasa menaiki podium untuk upacara penyampaian hadiah.
- 13.0 **BANTAHAN / TATATERTIB**
- 13.1 Semua pelumba/pasukan boleh membuat bantahan. Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dengan disertakan wang pertaruhan berjumlah **RM 200.00 tunai** kepada **Panel Komisar** dalam tempoh masa lima belas (15) minit selepas keputusan rasmi sesuatu kategori diumumkan.

- 13.2 Sekiranya aduan bantahan atau rayuan itu munasabah dan diterima oleh Panel Komisar, maka wang pertaruhan itu akan dikembalikan dan satu keputusan bersesuaian akan dibuat berhubung dengan aduan, bantahan atau rayuan itu.
- 13.3 Wang pertaruhan itu akan lucut hak (tidak akan dikembalikan) dan menjadi pendapatan kepada penganjur sekiranya aduan, bantahan atau rayuan itu didapati tidak munasabah atau ditolak.

#### 14.0 HAL-HAL LAIN

- 14.1 Mana-mana pelumba yang telah mendaftar dan diberikan No. Pelumba tidak dibenarkan sama sekali untuk menyerah nombor tersebut kepada pelumba lain (memberi kebenaran pelumba lain menggunakan nombor beliau).
- 14.2 Pelumba yang tidak mendaftar diri tidak dibenarkan sama sekali untuk menggunakan nombor pelumba lain. Sekiranya kejadian ini berlaku, pihak penganjur berhak membatalkan penyertaan beliau atau membatalkan kemenangan beliau.
- 14.3 Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang kecederaan, kemalangan, kematian atau kerosakan serta kehilangan harta benda, sebelum, semasa atau selepas pertandingan ini berlangsung.
- 14.4 Pihak penganjur berhak untuk membuat sebarang pindaan atau perubahan kepada peraturan-peraturan yang dinyatakan di atas tanpa sebarang pemberitahuan terlebih dahulu. Sebarang pindaan akan diputuskan di dalam Mesyuarat Pengurus Pasukan. Keputusan yang dibuat di dalam Mesyuarat Pengurus Pasukan adalah muktamad.